

## ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN

### 1. PENGENALAN

Analisis penyata kewangan bertujuan menilai prestasi Agensi Persekutuan terhadap lima perkara, iaitu Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman Diterima, Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dan Lebihan atau Kurangan Semasa Agensi Persekutuan. Analisis Agensi Persekutuan yang menerima geran Kerajaan Persekutuan tertinggi, amaun terhutang kepada Agensi Persekutuan termasuk yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, pembayaran dividen tertinggi daripada syarikat subsidiari dan Agensi Persekutuan tertinggi yang mengalami kerugian berturut-turut sejak tahun 2021 hingga 2023 turut dilaporkan buat pertama kali dalam laporan ini.

### 2. ASET DAN LIABILITI

2.1. Pada tahun 2023, kedudukan aset bagi 142 daripada 145 Agensi Persekutuan adalah berjumlah RM2.696 trilion. Jumlah ini telah meningkat sebanyak RM0.184 trilion (7.3%) berbanding kedudukan aset tahun 2022 yang berjumlah RM2.512 trilion. Manakala kedudukan liabiliti pada tahun 2023 bagi 142 Agensi Persekutuan berjumlah RM0.871 trilion menurun RM0.014 trilion (1.6%) berbanding tahun 2022 berjumlah RM0.885 trilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2.1**.

**CARTA 2.1**  
**KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI**  
**AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2023 BERBANDING TAHUN 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

2.2. Analisis Audit terhadap perbandingan antara aset dan liabiliti mendapati 137 Agensi Persekutuan mempunyai jumlah aset lebih tinggi berbanding jumlah liabiliti manakala lima Agensi Persekutuan menunjukkan jumlah liabiliti yang lebih tinggi berbanding jumlah aset. Antara agensi tersebut adalah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). PR1MA mempunyai liabiliti bersih berjumlah RM342.46 juta disebabkan oleh Dana Pinjaman (Sukuk) yang perlu diselesaikan sehingga tahun 2027 dan tidak dapat ditampung oleh aset sedia ada. Bagi SWCorp pula, liabiliti bersih berjumlah RM140.15 juta adalah disebabkan Pemiutang Syarikat Konsesi dan Perbelanjaan Terakru yang tinggi berbanding jumlah aset sedia ada.

### **3. GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

3.1. Geran Kerajaan Persekutuan merupakan salah satu sumber peruntukan yang disalurkan Kerajaan Persekutuan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya bagi membiayai perbelanjaan operasi mengurus dan pembangunan aktiviti, projek atau program Agensi Persekutuan. Geran Kerajaan Persekutuan yang diterima oleh Agensi Persekutuan terbahagi kepada dua, iaitu geran mengurus dan geran pembangunan.

3.2. Geran mengurus disalurkan bagi tujuan membiayai kos operasi seperti emolumen, penyenggaraan, bayaran sewa, pengangkutan, utiliti serta kos pentadbiran Agensi Persekutuan bagi tahun semasa. Penyaluran geran mengurus kepada agensi bergantung kepada kelulusan yang diperolehi berdasarkan permohonan anggaran perbelanjaan yang dikemukakan oleh Agensi Persekutuan kepada Kementerian atau Jabatan masing-masing setiap tahun.


3.3. Pemberian geran pembangunan termasuk geran penyelidikan, geran amanah dan geran khas/lain bertujuan untuk Agensi Persekutuan melaksanakan program dan aktiviti selaras dengan fungsi dan objektifnya. Geran pembangunan Kerajaan yang telah diluluskan merupakan obligasi kepada Agensi Persekutuan untuk melaksanakan projek atau program yang ditetapkan dan perlu dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan.

3.4. Terimaan geran Kerajaan Persekutuan hendaklah diperakaunkan mengikut keperluan piawaian perakaunan yang diterima pakai. Secara amnya, terimaan geran mengurus direkodkan dalam hasil manakala **geran pembangunan, geran penyelidikan, geran amanah dan geran khas/lain direkodkan sebagai liabiliti dan dilunaskan sebagai hasil apabila dibelanjakan oleh Agensi Persekutuan.** Geran pembangunan bagi projek fizikal perlu dipulangkan kepada Kementerian Kewangan (MoF) sekiranya tidak digunakan atau berlaku penjimatan peruntukan selepas

obligasi diselesaikan sepenuhnya oleh Agensi Persekutuan tertakluk kepada syarat ditetapkan oleh pemberi geran.

3.5. Pada tahun 2023, sebanyak 98 daripada 142 Agensi Persekutuan telah menerima geran mengurus dan/atau geran pembangunan berjumlah RM33.628 bilion daripada Kerajaan Persekutuan. Jumlah ini merangkumi RM16.305 bilion untuk geran mengurus dan RM17.323 bilion untuk geran pembangunan. Lima Agensi Persekutuan yang menerima geran daripada Kerajaan Persekutuan tertinggi tahun 2023 adalah seperti dalam **Carta 2.2**.

**CARTA 2.2**  
**LIMA AGENSI PERSEKUTUAN YANG MENERIMA**  
**GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TERTINGGI TAHUN 2023**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

3.6. Majlis Amanah Rakyat (MARA) menerima geran mengurus dan pembangunan berjumlah RM3.946 bilion bagi menampung perbelanjaan program penganjuran pelajaran, perbelanjaan operasi, pembangunan dan pembiayaan usahawan. Universiti Teknologi MARA (UiTM) pula menerima geran mengurus untuk tujuan membiayai kos operasi manakala geran pembangunan adalah untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan dan projek pembangunan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memperoleh geran mengurus untuk Kos Dana Pinjaman Sukuk dan pembayaran semula bagi pemberian insentif diskaun dan pengecualian bayaran balik pinjaman atas pencapaian akademik. Geran pembangunan yang diterima oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berjumlah RM74.10 juta dan geran khas untuk program Skim Insentif Tanaman Padi berjumlah RM1.573 bilion pada tahun 2023. Manakala Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menerima geran pembangunan termasuk bayaran kembali

Prinsipal Sukuk Berjaminan Kerajaan, Dana Penghapusan Faedah Hutang Peneroka, Dana Endowmen Tanam Semula Sawit, dan Dana Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

3.7. Analisis lanjut mendapati 103 daripada 142 Agensi Persekutuan telah mengiktiraf geran mengurus dan melunaskan geran pembangunan sebagai hasil berjumlah RM27.607 bilion pada tahun 2023. Semakan Audit terhadap 53 Agensi Persekutuan mendapati lebih 70% jumlah hasil merupakan terimaan daripada geran mengurus dan pelunasan geran pembangunan. Antara lima Agensi Persekutuan yang menerima geran melebihi 70% daripada jumlah hasil adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

**JADUAL 2.1**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG BERGANTUNG KEPADA PENERIMAAN GERAN KERAJAAN PADA TAHUN 2023 (MELEBIHI 70% DARIPADA JUMLAH HASIL)**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	JUMLAH GERAN (RM Bilion)	JUMLAH HASIL (RM Bilion)	PERATUS JUMLAH GERAN BERBANDING JUMLAH HASIL (%)
1.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	1.049	1.127	93.1
2.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	4.171	4.620	90.3
3.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	2.825	3.597	78.5
4.	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	0.481	0.652	73.8
5.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	0.753	1.068	70.5
<b>JUMLAH</b>		<b>9.279</b>	<b>11.064</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

3.8. Pada tahun 2023, sebanyak 21 daripada 103 Agensi Persekutuan mencatatkan peratus peningkatan penerimaan geran mengurus yang ketara melebihi 10% berbanding tahun sebelumnya. Antara Agensi Persekutuan yang mencatatkan peningkatan terimaan geran mengurus yang ketara antara 22.9% hingga 71% adalah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

**JADUAL 2.2**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG Mencatatkan Peningkatan Penerimaan Geran Mengurus yang Ketara**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TERIMAAN GERAN MENGURUS			
		2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PENINGKATAN	
				JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	105.57	61.75	43.82	71.0

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TERIMAAN GERAN MENGURUS			
		2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	PENINGKATAN	
				JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)
2.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	312.95	190.69	122.26	64.1
3.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	113.89	90.25	23.64	26.2
4.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	267.30	215.55	51.75	24.0
5.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	129.19	105.13	24.06	22.9
<b>JUMLAH</b>		<b>928.90</b>	<b>663.37</b>	<b>265.53</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

3.9. Sehingga 31 Disember 2023, baki geran pembangunan bagi 97 daripada 142 Agensi Persekutuan adalah berjumlah RM21.399 bilion. Antara lima Agensi Persekutuan yang mempunyai baki geran pembangunan tertinggi bagi tahun 2023 adalah seperti dalam **Jadual 2.3**.

**JADUAL 2.3**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG MEMPUNYAI BAKI**  
**GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI PADA 31 DISEMBER 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PELUNASAN TAHUN 2023 (RM Bilion)	BAKI GERAN PEMBANGUNAN (RM Bilion)	PENJELASAN
1.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	2.777	2.392	MARA mempunyai baki geran penganjuran pelajaran, geran usahawan dan geran pembangunan di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 yang telah mempunyai komitmen belum dilunaskan. Selain itu, terdapat lebih baki geran projek telah selesai/batal/tangguh yang sedang dalam permohonan kelulusan Kerajaan Persekutuan sama ada dipulangkan semula atau kegunaan tujuan lain.
2.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	0.055	1.263	Baki geran pembangunan dalam bentuk aset tetap dan projek dalam pelaksanaan. Tempoh pelunasan geran aset tetap bergantung kepada anggaran hayat kegunaan aset tersebut.
3.	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	1.305	1.112	Baki geran pembangunan termasuk sejumlah RM651.16 juta yang disalurkan Kementerian pada bulan Disember 2023 yang akan dibelanjakan pada tahun 2024.
4.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	0.170	1.044	Geran pembangunan bagi membiayai projek infrastruktur, program modal insan, perniagaan tani, pusat kecemerlangan, kajian dan lain-lain. Baki geran adalah termasuk RM831.37 juta yang telah dibelanjakan untuk 21 projek pembangunan yang masih dalam kemajuan. Pelunasan akan dilaksanakan setelah projek siap sepenuhnya.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PELUNASAN TAHUN 2023 (RM Bilion)	BAKI GERAN PEMBANGUNAN (RM Bilion)	PENJELASAN
5.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	0.013	0.933	Baki geran adalah bagi pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur di bawah Projek RMKe-9 hingga RMKe-12, pelaksanaan projek sektor swasta dan pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera. Baki geran adalah termasuk RM596.31 juta bagi lapang projek pembangunan yang masih dalam kemajuan. Pelunasan akan dilaksanakan setelah projek siap dan diserahkan kepada pihak ketiga.
<b>JUMLAH</b>		<b>4.320</b>	<b>6.744</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

3.10. Secara keseluruhannya, Agensi Persekutuan telah menggunakan geran mengurus untuk perbelanjaan operasi pada tahun semasa dan geran pembangunan untuk melaksanakan obligasi yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat baki geran pembangunan pada akhir tahun 2023 yang disebabkan oleh obligasi pelaksanaan belum diselesaikan sepenuhnya dan dalam proses pemulangan semula atau kegunaan tujuan lain tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan.

#### 4. PINJAMAN DITERIMA

4.1. Pada tahun 2023, sebanyak 20 daripada 142 Agensi Persekutuan mempunyai pinjaman berjumlah RM126.564 bilion. Analisis Audit mendapati empat daripada 20 Agensi Persekutuan membuat pinjaman baharu berjumlah RM7.309 bilion pada tahun 2023 daripada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.4**.

**JADUAL 2.4**  
**EMPAT AGENSI PERSEKUTUAN YANG MEMBUAT PINJAMAN BAHARU TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	JUMLAH PINJAMAN (RM Bilion)	TUJUAN PINJAMAN
1.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	5.000	Pemberian pembiayaan perumahan kepada penjawat awam dan membiayai pinjaman berjangka yang matang pada tahun 2023. Pinjaman ini terdiri daripada pinjaman berjangka dan terbitan 9 siri Nota Jangka Sederhana Islamik yang dijamin oleh Kerajaan Malaysia pada kadar 3.75% hingga 4.37% dengan tempoh matang antara lima hingga 20 tahun.
2.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	2.230	Pengambilalihan baki saham Boustead Plantations Berhad yang dipegang oleh Boustead Holdings Berhad dan pemegang saham minoriti.
3.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	0.050	Memberi pinjaman mudah kepada syarikat swasta/agensi kerajaan/koperasi/pertubuhan bagi pembangunan ladang komersial di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan.
4.	Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	0.029	Menampung peningkatan kos jualan secara kredit.
<b>JUMLAH</b>		<b>7.309</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

4.2. Analisis Audit juga mendapati dua daripada empat Agensi Persekutuan tersebut, iaitu Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) mendapat pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM0.280 bilion (3.8%). LTAT mendapat pembiayaan sejumlah RM0.230 bilion dan MTIB pula sejumlah RM0.050 bilion. Manakala tiga daripada empat Agensi Persekutuan tersebut, iaitu Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), LTAT dan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) pula mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan dan Agensi Persekutuan berjumlah RM7.029 bilion (96.2%).

4.3. Analisis lanjut terhadap 12 daripada 20 Agensi Persekutuan yang mempunyai pinjaman daripada institusi kewangan dan Agensi Persekutuan mendapati lima pinjaman Agensi Persekutuan dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Manakala baki tujuh pinjaman Agensi Persekutuan yang lain adalah dengan cagaran tanpa jaminan Kerajaan Persekutuan. Butiran lanjut pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti dalam **Jadual 2.5**.

**JADUAL 2.5**  
**PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TAHUN 2023 (RM Bilion)
1.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	45.250
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	41.130
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	6.928
4.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	3.750
5.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	2.000
<b>JUMLAH</b>		<b>99.058</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

4.4. Analisis lanjut mendapati lima daripada 20 Agensi Persekutuan mempunyai baki pinjaman tertinggi, iaitu RM119.841 bilion (94.7%) berbanding jumlah keseluruhan pinjaman RM126.564 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.6**.

**JADUAL 2.6**  
**LIMA AGENSI PERSEKUTUAN**  
**MEMPUNYAI BAKI PINJAMAN TERTINGGI TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAKI PINJAMAN (RM Bilion)	PENJELASAN
1.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	64.089	Menampung pengeluaran pembiayaan bagi pinjaman perumahan penjawat awam.
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	41.130	Memberikan pinjaman kepada peminjam selaras dengan fungsi PTPTN.
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	7.461	Membiayai program pembangunan peneroka, kos meningkatkan pegangan ekuiti dalam FGV Holdings Berhad dan pembiayaan semula pinjaman.
4.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	3.793	Membiayai kos pembinaan dan perbelanjaan berkaitan dengan projek perumahan PR1MA.

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAKI PINJAMAN (RM Bilion)	PENJELASAN
5.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3.368	Perolehan tanah dan sebahagian daripada kos pembinaan di Pulau Indah, Klang yang dikenali sebagai <i>Port Klang Free Zone</i> .
<b>JUMLAH</b>		<b>119.841</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

4.5. Analisis Audit terhadap lima Agensi Persekutuan yang mempunyai baki pinjaman tertinggi mendapati dua Agensi Persekutuan mempunyai pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3.876 bilion (3.2%) seperti dalam **Jadual 2.7**.

**JADUAL 2.7**  
**DUA AGENSI PERSEKUTUAN MEMPUNYAI**  
**PINJAMAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BAKI PINJAMAN (RM Bilion)	PENJELASAN
1.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3.368	Pinjaman Kerajaan oleh LPK bertujuan untuk perolehan tanah dan sebahagian daripada kos pembinaan di Pulau Indah, Klang yang dikenali sebagai <i>Port Klang Free Zone</i> . Tempoh pembayaran adalah selama 29 tahun bermula pada tahun 2018 hingga 2047.
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	0.508	Pinjaman MoF berjumlah RM0.508 bilion ini bertujuan membiayai bantuan sara hidup dan pendahuluan kepada peneroka. Pinjaman adalah pada kadar 2% setahun dengan tempoh pembiayaan masing-masing selama lima dan 15 tahun. Pada tahun 2023, bayaran balik berjumlah RM0.151 bilion telah dijelaskan.
<b>JUMLAH</b>		<b>3.876</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

4.6. Secara keseluruhannya, Agensi Persekutuan yang meminjam untuk membiayai belanja operasi perlu mengkaji semula aktiviti agar berdaya maju dan menjana hasil serta mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu.

## 5. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

5.1. Syarikat subsidiari diwujudkan bertujuan melaksanakan sebahagian fungsi Agensi Persekutuan di samping menjana pendapatan daripada sektor perkhidmatan dan perniagaan yang ditawarkan. Agensi Persekutuan selaku agensi induk akan memperoleh pulangan dalam bentuk dividen daripada pelaburan yang dikeluarkan.

5.2. Pada tahun 2023, sebanyak 59 Agensi Persekutuan mempunyai 217 syarikat subsidiari dengan pelaburan berjumlah RM65.145 bilion. Daripada jumlah tersebut, 191 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala 26 syarikat subsidiari berstatus dorman. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.8**.



**JADUAL 2.8**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2023**

BIL.	STATUS	SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH PELABURAN (RM Bilion)
1.	Aktif	191	64.858
2.	Dorman	26	0.287
<b>JUMLAH</b>		<b>217</b>	<b>65.145</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

5.3. Lima daripada 59 Agensi Persekutuan mempunyai pelaburan tertinggi melibatkan 109 syarikat subsidiari berjumlah RM63.472 bilion. Sebanyak 100 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala sembilan syarikat subsidiari berstatus dormant pada tahun 2023. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.9**.

**JADUAL 2.9**  
**LIMA AGENSI PERSEKUTUAN MEMPUNYAI PELABURAN TERTINGGI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI			JUMLAH PELABURAN (RM Bilion)
		AKTIF	DORMAN	JUMLAH	
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	53	2	55	43.930
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	17	0	17	7.221
3.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	10	1	11	6.699
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	8	3	11	3.433
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	12	3	15	2.189
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>	<b>9</b>	<b>109</b>	<b>63.472</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

#### 5.4. SYARIKAT SUBSIDIARI BAHARU

5.4.1. Pada tahun 2023, tiga daripada 217 syarikat subsidiari merupakan syarikat subsidiari baharu dengan nilai pelaburan sejumlah RM85.96 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.10**.

**JADUAL 2.10**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI BAHARU TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	AKTIVITI UTAMA	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)
1.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	Sinergi Perdana Sdn. Bhd.	Pembekalan input pertanian dan pegangan pelaburan.	62.96
2.	Institut Koperasi Malaysia (IKMa)	UKKM Education Sdn. Bhd.	Perkhidmatan latihan dan pengurusan program pendidikan jangka panjang meliputi diploma, ijazah, sarjana dan doktor falsafah.	21.00

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	SYARIKAT SUBSIDIARI	AKTIVITI UTAMA	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)
3.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	Railway Assets Holding Sdn. Bhd.	Dorman	2.00
<b>JUMLAH</b>				<b>85.96</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Agensi Persekutuan Tahun 2023

## 5.5. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI

5.5.1. Pada tahun 2023, sebanyak 131 (60.4%) [2022: 121 (57.1%)] daripada 217 syarikat subsidiari telah mencatatkan keuntungan berjumlah RM4.087 bilion. Manakala baki 86 (39.6%) [2022: 91 (42.9%)] syarikat subsidiari mengalami kerugian berjumlah RM2.810 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.11**.

**JADUAL 2.11**  
**PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI TAHUN 2023**

BUTIRAN	SYARIKAT SUBSIDIARI UNTUNG	SYARIKAT SUBSIDIARI RUGI	JUMLAH
Syarikat Subsidiari (Bilangan)	131	86	<b>217</b>
Keuntungan/(Kerugian) (RM Bilion)	4.087	(2.810)	<b>1.277</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

5.5.2. Analisis Audit mendapati 69 syarikat subsidiari bagi lima Agensi Persekutuan telah mencatat keuntungan berjumlah RM3.698 bilion. Manakala 40 syarikat subsidiari mengalami kerugian berjumlah RM2.656 bilion pada tahun semasa. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.12**.

**JADUAL 2.12**  
**AGENSI PERSEKUTUAN MEMPUNYAI SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEREKODKAN KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BILANGAN SUBSIDIARI	JUMLAH KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) (RM Bilion)
<b>SUBSIDIARI UNTUNG</b>			
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	34	2.754
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	9	0.411
3.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	11	0.240
4.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	6	0.163
5.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	9	0.130
<b>JUMLAH</b>		<b>69</b>	<b>3.698</b>
<b>SUBSIDIARI RUGI</b>			
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	21	(0.941)
2.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	5	(0.722)
3.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	4	(0.690)

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BILANGAN SUBSIDIARI	JUMLAH KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) (RM Bilion)
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	2	(0.165)
5.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	8	(0.138)
<b>JUMLAH</b>		<b>40</b>	<b>(2.656)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

5.5.3. Selain itu, 21 syarikat subsidiari bagi lima Agensi Persekutuan telah mengalami kerugian bagi tempoh tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2021 hingga 2023. Pada tahun 2023, sebanyak 21 syarikat subsidiari mengalami kerugian berjumlah RM970.55 juta yang terdiri daripada sembilan syarikat subsidiari yang beroperasi di dalam negara, manakala 12 syarikat subsidiari beroperasi di luar negara. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.13**.

**JADUAL 2.13**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI MENGALAMI**  
**KERUGIAN TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT SEJAK TAHUN 2021 HINGGA 2023**

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	AKTIVITI UTAMA	NEGARA DIPERBADANKAN	JUMLAH KERUGIAN		
				2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
<b>Lembaga Tabung Haji (LTH)</b>						
1.	LTH Property Holdings 3 Limited	Pemegang Pelaburan	United Kingdom	278.43	54.99	0.14
2.	LTH Property Holdings 2 Limited	Pemegang Pelaburan	United Kingdom	186.75	42.56	22.11
<b>JUMLAH</b>				<b>465.18</b>	<b>97.55</b>	<b>22.25</b>
<b>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</b>						
3.	KWASA Europe S.à r.l	Pemegang Pelaburan	Luxembourg	158.42	15.43	3.71
4.	Ameen Direct Equity I, L.P.	Tabung Pemegang Pelaburan	Guernsey	25.61	15.32	11.61
5.	KWASA Europe-I S.à r.l	Pemegang Pelaburan	Luxembourg	14.40	12.18	10.25
6.	Naungan Sentosa Sdn. Bhd.	Pemegang Pelaburan	Malaysia	11.88	18.21	3.73
7.	Kwasa Utama Sdn. Bhd.	Pembangunan Hartanah dan Pemegang Pelaburan	Malaysia	8.61	7.72	5.94
8.	YTR Harta Sdn. Bhd.	Pelaburan Hartanah	Malaysia	2.70	1.70	1.87
9.	Kwasa Singapore Duo Pte. Ltd.	Pemegang Pelaburan	Singapore	1.36	1.83	8.90
10.	PPNK – Harta Sdn. Bhd.	Pembangunan dan Pengurusan Hartanah	Malaysia	0.84	0.43	3.39
11.	Common Icon Sdn. Bhd.	Pelaburan Hartanah	Malaysia	0.39	3.69	0.36
<b>JUMLAH</b>				<b>224.21</b>	<b>76.51</b>	<b>49.76</b>
<b>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)</b>						
12.	FIC Properties Sdn. Bhd.	Pegangan Pelaburan	Malaysia	162.11	399.20	409.38

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	AKTIVITI UTAMA	NEGARA DIPERBADANKAN	JUMLAH KERUGIAN		
				2023	2022	2021
				(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
<b>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)</b>						
13.	Prima Harta 5 (Jersey) Unit Trust	Pengurusan Amanah Pelaburan	Jersey	63.52	58.59	26.02
14.	Capsquare Tower Sdn. Bhd.	Pengurusan Hartanah	Malaysia	8.75	0.38	2.41
15.	Prima Harta 3 (Lux) S.a.r.l	Pengurusan Amanah Pelaburan	Luxembourg	8.35	0.98	2.60
16.	Prima Harta 5 (Jersey) Limited	Pengurusan Amanah Pelaburan	Jersey	0.51	0.55	0.27
17.	Prima Harta U (Jersey) Limited	Pengurusan Amanah Pelaburan	Jersey	0.46	0.13	0.05
18.	Prima Harta 6 (Jersey) Limited	Pengurusan Amanah Pelaburan	Jersey	0.22	0.22	0.05
19.	Prima Harta 4 U (Jersey) Limited	Pengurusan Amanah Pelaburan	Jersey	0.16	0.20	0.22
<b>JUMLAH</b>				<b>81.97</b>	<b>61.05</b>	<b>31.62</b>
<b>Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)</b>						
20.	Irat Properties Sdn. Bhd.	Pelaburan Hartanah	Malaysia	19.34	38.83	19.49
21.	Irat Hotels & Resorts Sdn. Bhd.	Operator Hotel dan Resort	Malaysia	17.74	37.26	20.10
<b>JUMLAH</b>				<b>37.08</b>	<b>76.09</b>	<b>39.59</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>970.55</b>	<b>710.40</b>	<b>552.60</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2023 dan 2022

5.5.4. Penjelasan lanjut berkenaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian tertinggi dalam dan luar negara adalah seperti berikut:

- a. Syarikat LTH Property Holdings 2 Limited dan LTH Property Holdings 3 Limited yang dimiliki Lembaga Tabung Haji (LTH) mengalami kerugian disebabkan peningkatan rosot nilai hartanah pelaburan dipengaruhi oleh kadar faedah dan inflasi semasa yang meningkat di United Kingdom.
- b. Tiga syarikat subsidiari milik Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu KWASA Europe S.à.r.l, KWASA Europe-I S.à r.l dan Naungan Sentosa Sdn. Bhd. mengalami kerugian disebabkan oleh struktur modal syarikat subsidiari yang sebahagian besarnya dalam bentuk pinjaman pemegang saham. KWSP sebagai pemegang saham tunggal syarikat mendapat pulangan dalam bentuk faedah pendapatan dan digunakan untuk membayar dividen kepada pencarum. Manakala Ameen Direct Equity I, L.P. merupakan dana yang baharu ditubuhkan pada tahun 2021 dengan tumpuan pelaburan jangka panjang dan masih belum menjana pendapatan mencukupi untuk menampung perbelanjaan operasi.

- c. Syarikat FIC Properties Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh FELDA mengalami kerugian kerana belanja kos kewangan pembiayaan dan penjejasan nilai pelaburan dalam syarikat bersekutu.
- d. Syarikat subsidiari milik Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), iaitu Prima Harta 5 (Jersey) Unit Trust mengalami kerugian disebabkan peningkatan rosot nilai hartanah pelaburan yang berlaku selepas penurunan risiko pasaran hartanah di United Kingdom pada tahun 2022 dan 2023 walaupun mencapai kadar penghunian bangunan yang konsisten sebanyak 99.6% bagi kedua-dua tahun.
- e. Dua syarikat subsidiari milik LTAT, iaitu Irat Properties Sdn. Bhd. dan Irat Hotels & Resorts Sdn. Bhd. mengalami kerugian disebabkan kos kewangan yang tinggi, kerugian nilai saksama ke atas pelaburan hartanah dan kerugian kredit dijangka.

## 5.6. PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI

5.6.1. Pada tahun 2023, sebanyak 81 (37.3%) daripada 217 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM2.829 bilion kepada 32 Agensi Persekutuan. Sebanyak 14 (17.3%) daripada 81 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM1.432 bilion kepada 10 Agensi Persekutuan walaupun mengalami kerugian. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.14**.

**JADUAL 2.14**  
**PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2023**

BIL.	PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH DIVIDEN (RM Bilion)
1.	Untung	67	1.397
2.	Rugi	14	1.432
<b>JUMLAH</b>		<b>81</b>	<b>2.829</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

5.6.2. Analisis Audit mendapati 43 syarikat subsidiari telah membayar dividen tertinggi kepada lima Agensi Persekutuan berjumlah RM2.761 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.15**.

**JADUAL 2.15**  
**LIMA AGENSI PERSEKUTUAN MENERIMA DIVIDEN TERTINGGI BAGI TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH DIVIDEN (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	24	1,819.32
2.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	5	383.23
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	2	346.54
4.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	7	172.35
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	5	39.54
<b>JUMLAH</b>		<b>43</b>	<b>2,760.98</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

## 5.7. PENDAHULUAN DAN PINJAMAN

5.7.1. Setakat 31 Disember 2023, pendahuluan dan pinjaman diberikan oleh 39 Agensi Persekutuan kepada 94 syarikat subsidiari adalah berjumlah RM16.849 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada pendahuluan kepada 81 syarikat subsidiari berjumlah RM14.105 bilion dan pinjaman kepada 13 syarikat subsidiari berjumlah RM2.744 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.16**.

**JADUAL 2.16**  
**PENDAHULUAN DAN PINJAMAN OLEH**  
**AGENSI PERSEKUTUAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2023**

BIL.	AMAUN TERHUTANG	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Bilion)
1.	Pendahuluan	81	14.105
2.	Pinjaman	13	2.744
<b>JUMLAH</b>		<b>94</b>	<b>16.849</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

5.7.2. Analisis lanjut terhadap pendahuluan dan pinjaman oleh lima Agensi Persekutuan kepada syarikat subsidiari yang tertinggi mendapati pendahuluan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM13.688 bilion, iaitu menurun sejumlah RM3.324 bilion berbanding RM17.012 bilion pada tahun 2022. Selain itu, pinjaman pada tahun 2023 sejumlah RM2.715 bilion menunjukkan penurunan sebanyak RM0.212 bilion berbanding RM2.927 bilion pada tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.17**.

**JADUAL 2.17**  
**PENDAHULUAN DAN PINJAMAN TERTINGGI OLEH**  
**LIMA AGENSI PERSEKUTUAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	AMAUN TERHUTANG			
		PENDAHULUAN (RM Bilion)		PINJAMAN (RM Bilion)	
		2023	2022	2023	2022
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	11.580	14.138	-	-
2.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	1.214	1.905	0.868	0.873
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	0.021	0.004	1.021	1.304
4.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	0.873	0.965	-	-
5.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	-	-	0.826	0.750
<b>JUMLAH</b>		<b>13.688</b>	<b>17.012</b>	<b>2.715</b>	<b>2.927</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

5.8. Secara keseluruhannya, 59 Agensi Persekutuan mempunyai pelaburan dalam 217 syarikat subsidiari bernilai RM65.145 bilion, hanya 191 (88.0%) berstatus aktif. Sebanyak 81 (37.3%) daripadanya telah memberi pulangan dividen sebanyak RM2.829 bilion kepada 32 Agensi Persekutuan. Perkara ini menunjukkan pelaburan Agensi Persekutuan dalam syarikat subsidiari tidak memberikan pulangan yang memuaskan. Selain itu, 39 Agensi Persekutuan juga telah memberi pendahuluan dan pinjaman kepada 94 syarikat subsidiari berjumlah RM16.849 bilion.

## 6. LEBIHAN ATAU KURANGAN SEMASA AGENSI PERSEKUTUAN

6.1. MFRS 101 dan MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan menetapkan semua item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam sesuatu tempoh hendaklah diperakaunkan dalam lebihan atau kurangan, melainkan piawaian perakaunan tersebut menghendaki sebaliknya.

6.2. Pada tahun 2023, sebanyak 97 daripada 142 Agensi Persekutuan mencatatkan lebihan semasa selepas cukai dan zakat berjumlah RM73.886 bilion manakala sebanyak 45 Agensi Persekutuan merekodkan kurangan semasa berjumlah RM2.011 bilion. Lebihan atau kurangan semasa pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.18**.


**JADUAL 2.18**  
**LEBIHAN/(KURANGAN) SEMASA AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2023**

BUTIRAN	TAHUN 2023		TAHUN 2022		PERUBAHAN	
	BIL. AGENSI	JUMLAH (RM Bilion)	BIL. AGENSI	JUMLAH (RM Bilion)	JUMLAH (RM Bilion)	%
Lebih Semasa	97	73.886	89	55.842	18.044	32.3
Kurangan Semasa	45	(2.011)	53	(3.635)	1.624	44.7
<b>JUMLAH</b>	<b>142</b>	<b>71.875</b>	<b>142</b>	<b>52.207</b>		

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

6.3. Analisis Audit menunjukkan peningkatan terhadap jumlah lebih semasa selepas cukai dan zakat pada tahun 2023, iaitu daripada RM55.842 bilion pada tahun 2022 kepada RM73.886 bilion pada tahun 2023 melibatkan 97 agensi berbanding 89 agensi pada tahun 2022. Lima Agensi Persekutuan yang merekodkan lebih semasa tertinggi pada tahun 2023 adalah KWSP sejumlah RM41.335 bilion, KWAP sejumlah RM9.651 bilion, Bank Negara Malaysia (BNM) sejumlah RM7.162 bilion, LPPSA sejumlah RM3.084 bilion dan LTH sejumlah RM2.330 bilion. Manakala lain-lain Agensi Persekutuan terdiri daripada 92 agensi telah menyumbangkan lebih semasa berjumlah RM10.324 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2.3**.

**CARTA 2.3**  
**LEBIHAN SEMASA TERTINGGI AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2023**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

6.4. Analisis Audit terhadap lebih semasa tertinggi pada tahun 2023 bagi Agensi Persekutuan adalah antaranya disumbangkan oleh perkara berikut:

- a. Pendapatan tahun semasa KWSP berjumlah RM43.235 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.900 bilion menyebabkan lebih pendapatan berjumlah RM41.335 bilion. Lebih pendapatan ini disumbangkan oleh




peningkatan pendapatan pelaburan kasar sejumlah RM5.922 bilion atau 15.3% berbanding tahun sebelumnya.

- b. Pendapatan KWAP berjumlah RM10.293 bilion pada tahun 2023 berbanding perbelanjaan berjumlah RM0.642 bilion menyebabkan lebih pendapatan berjumlah RM9.651 bilion. Lebih pendapatan ini disumbangkan oleh peningkatan dalam nilai saksama pelaburan sejumlah RM9.090 bilion dan pendapatan faedah sejumlah RM0.205 bilion.
- c. Pendapatan BNM pada tahun 2023 berjumlah RM8.772 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.610 bilion menyebabkan lebih selepas cukai berjumlah RM7.162 bilion. Lebih tahun semasa disumbangkan oleh peningkatan dalam pendapatan operasi sejumlah RM0.169 bilion. Pendapatan operasi terdiri daripada faedah dan dividen daripada rizab antarabangsa.
- d. Pendapatan tahun semasa LPPSA berjumlah RM5.984 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM2.900 bilion menyebabkan lebih pendapatan berjumlah RM3.084 bilion. Lebih ini disumbangkan oleh peningkatan dalam hasil pembiayaan Perumahan dan Penggunaan Geran.
- e. Pendapatan LTH tahun 2023 berjumlah RM3.934 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.604 bilion menyebabkan lebih pendapatan selepas cukai berjumlah RM2.330 bilion. Lebih pendapatan ini sebahagian besar disumbangkan oleh instrumen pendapatan tetap (sukuk), pelaburan ekuiti dan hartanah serta instrumen pasaran kewangan.

6.5. Analisis Audit menunjukkan penurunan kurangan semasa daripada RM3.635 bilion pada tahun 2022 kepada RM2.011 bilion pada tahun 2023 melibatkan 45 agensi pada tahun 2023 berbanding 53 agensi pada tahun 2022. Lima Agensi Persekutuan yang merekodkan kurangan semasa tertinggi pada tahun 2023 adalah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sejumlah RM0.735 bilion, PR1MA sejumlah RM0.217 bilion, UiTM sejumlah RM0.212 bilion, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sejumlah RM0.141 bilion dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sejumlah RM0.128 bilion. Selanjutnya 40 Agensi Persekutuan lain telah merekodkan kurangan semasa berjumlah RM0.578 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2.4**.

**CARTA 2.4**  
**KURANGAN SEMASA TERTINGGI AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2023**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

6.6. Kurangan semasa tertinggi bagi lima Agensi Persekutuan pada tahun 2023 adalah disebabkan oleh perkara seperti berikut:

- a. Perbelanjaan LHDNM pada tahun 2023 yang berjumlah RM2.934 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM2.199 bilion menyebabkan kurangan semasa sejumlah RM0.735 bilion. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan oleh penurunan pendapatan fi Agensi Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2.081 bilion berbanding RM3.246 bilion pada tahun 2022. Selain itu, perbelanjaan operasi lain LHDNM juga meningkat sebanyak RM0.162 bilion berbanding tahun 2022.
- b. Perbelanjaan PR1MA pada tahun 2023 yang berjumlah RM1.483 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM1.266 bilion menyebabkan kurangan semasa PR1MA sejumlah RM0.217 bilion. Kurangan ini disebabkan oleh penurunan pendapatan dalam penjualan rumah dan komersial daripada RM0.857 bilion pada tahun 2022 kepada RM0.742 bilion pada tahun 2023.
- c. Perbelanjaan UiTM pada tahun 2023 yang berjumlah RM3.809 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM3.597 bilion menyebabkan kurangan semasa sejumlah RM0.212 bilion. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan penurunan Pendapatan Lain kerana UiTM telah membuat pelarasan semula terhadap polisi peruntukan manfaat kakitangan, peruntukan hutang ragu dan penilaian aset.

- d. Perbelanjaan UMS pada tahun 2023 yang berjumlah RM0.618 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM0.477 bilion menyebabkan kurangan semasa sejumlah RM0.141 bilion. Perkara ini berlaku disebabkan penurunan pendapatan urus niaga bukan pertukaran sejumlah RM9.65 juta dan pengurangan penerimaan geran kerajaan berjumlah RM44.85 juta. Perbelanjaan yang meningkat turut menyumbang kepada kurangan semasa UMS bagi perbelanjaan perjalanan dan sara hidup serta peningkatan sewaan alat kelengkapan prosesan data elektronik dan perbelanjaan emolumen.
- e. Perbelanjaan UPM pada tahun 2023 yang berjumlah RM1.196 bilion melebihi pendapatan berjumlah RM1.068 bilion menyebabkan kurangan semasa sejumlah RM0.128 bilion. Pendapatan UPM menunjukkan peningkatan terhadap faedah bank dan pelaburan sejumlah RM12.12 juta dan yuran lain sejumlah RM6.46 juta. Walau bagaimanapun, peningkatan pendapatan ini tidak dapat menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan sejumlah RM37.14 juta serta perbelanjaan emolumen sejumlah RM24.63 juta.

6.7. Selain daripada lima agensi yang merekodkan kurangan semasa tertinggi, terdapat lima Agensi Persekutuan yang mengalami kerugian tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2021 hingga 2023 seperti dalam **Jadual 2.19**.

**JADUAL 2.19**  
**LIMA AGENSI PERSEKUTUAN MENGALAMI**  
**KERUGIAN BERTURUT-TURUT TERTINGGI SEJAK TAHUN 2021 HINGGA 2023**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	JUMLAH KERUGIAN			PENJELASAN
		2023	2022	2021	
		JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	
1.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	(141.41)	(89.47)	(89.31)	Geran Mengurus dan Pendapatan Janaan Sendiri (yuran pelajar) tidak dapat menampung perbelanjaan operasi universiti.
2.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	(127.71)	(81.00)	(118.70)	
3.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	(44.02)	(2.62)	(14.21)	
4.	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	(61.30)	(50.94)	(33.44)	Pendapatan PPUM yang terdiri daripada caj rawatan pesakit tidak dapat menampung perbelanjaan operasi.
5.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	(53.90)	(87.19)	(60.75)	Peningkatan perbelanjaan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023

6.8. Secara keseluruhannya, lebih semasa Agensi Persekutuan adalah disumbangkan daripada janaan pendapatan aktiviti utama dan penambahan atau pelunasan geran Kerajaan Persekutuan serta hasil daripada faedah pelaburan. Manakala kurangan semasa disebabkan oleh penurunan hasil, peningkatan perbelanjaan operasi dan penjejasan nilai pelaburan, pinjaman serta aset.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi menambah baik tatakelola pengurusan kewangan di Agensi Persekutuan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

7.1. Memperkasakan usaha penjanaan hasil bagi memastikan Agensi Persekutuan berupaya untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan dan mengurangkan kebergantungan terhadap geran Kerajaan. Selain itu, penggunaan geran Kerajaan perlu dioptimumkan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan Agensi Persekutuan.

7.2. Mengkaji semula hala tuju dan pelan perniagaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian tiga tahun berturut-turut dan tidak memberikan pulangan sewajarnya. Menilai dan memberi pertimbangan untuk menutup syarikat subsidiari berstatus dorman atau tidak aktif melebihi lima tahun supaya tidak membebankan Agensi Persekutuan.